



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Taklimat dan Dialog kepada Orang Yang Berkelayakan (Qualified Persons - QP) yang terdiri daripada Arkitek dan Jurutera Profesional dan Tukang Pelan Yang Berdaftar (Registered Building Draughtsman - RBD) yang berdaftar di bawah Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS), Kementerian Pembangunan (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada sesi berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Ogos. - Kementerian Pembangunan melalui Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) mengadakan Sesi Taklimat dan Dialog kepada Orang Yang Berkelayakan (Qualified Persons - QP), terdiri daripada Arkitek dan Jurutera Profesional dan Tukang Pelan Yang Berdaftar (Registered Building Draughtsman - RBD) yang berdaftar di bawah Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS), Kementerian Pembangunan, yang diadakan di Dewan Indera Pahlawan, kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sesi dialog berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Arefin bin Haji Jaya.

Sesi dialog bersama QP dan RBD merupakan aktiviti berterusan pihak Kementerian Pembangunan dalam menjadikan platform perjumpaan berkenaan untuk membarangkan sebarang maklumat atau perubahan yang melibatkan permohonan-permohonan kemajuan yang diproses di JPBD dan ABCi

sebagai langkah di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dengan lebih efisien, termasuk mendapatkan maklum balas daripada pihak berkenaan bagi usaha bersama di dalam mengenal pasti pembaikan yang diperlukan dalam memudah cara proses permohonan kemajuan di negara ini.

Tujuan sesi dialog adalah untuk memaklumkan perubahan kepada penyelarasan proses juga tatacara bagi menghadapkan permohonan kemajuan bagi cadangan membina sebuah rumah berasingan (satu unit) sahaja yang akan berkuat kuasa pada 1 September 2020.

Pihak QP dan RBD hendaklah terlebih dahulu mendapatkan pengesahan infrastruktur dari jabatan-jabatan berkepentingan, seperti Jabatan Jalan Raya, Jabatan Saliran dan Pembetungan, Jabatan Perkhidmatan Air dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik melalui e-mel sebelum mendapatkan Kebenaran Perancangan (Planning Permission) dari Autoriti Perancang dan seterusnya Kebenaran Kemajuan (Building Approval - BA); Borang C - Kebenaran Memulakan Kemajuan (Form C - Permit to Carry Out Building Works); dan Kesiapan Kemajuan (Occupation Permit -

OP) daripada pihak ABCi. Keperluan untuk mendapatkan pengesahan jabatan berkenaan merupakan tanggungjawab QP dan RBD sebagai sebahagian daripada Feasibility Study semasa penyediaan cadangan reka bentuk dalam memastikan keperluan infrastruktur secara menyeluruh adalah tersedia dan mencukupi seperti keperluan jalan laluan, penyambungan air dan elektrik, aliran longkang dan sistem pembetungan.

Sementara itu, lebih kurang 80 peratus permohonan kemajuan di negara ini adalah bagi permohonan membina sebuah rumah.

Sasarannya awal bagi proses baharu ini adalah bagi permohonan membina sebuah rumah (satu unit), di mana ia diharapkan akan membuka banyak peluang untuk memiliki rumah dengan lebih mudah dan cepat, di samping memastikan kualiti kemajuan yang berdayaayaan melalui penyediaan infrastruktur yang optima dan teratur.

Semasa sesi dialog tersebut, turut dimaklumkan mengenai jenis-jenis projek kemajuan yang dibenarkan dijalankan oleh pihak RBD, iaitu satu unit rumah di dalam satu lot yang tidak melebihi dua tingkat, dan keluasan lantai tidak melebihi 300 meter persegi

Sesi dialog langkah tingkatkan mutu perkhidmatan lebih efisien



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

oleh pihak ABCi bermula 1 September 2020, di mana sebelum ini, ia memerlukan Kebenaran Perancangan terlebih dahulu daripada pihak JPBD sebelum proses seterusnya di pihak ABCi.

Sesi dialog berkenaan juga turut dimuatkan dengan beberapa sesi taklimat yang disampaikan oleh beberapa buah jabatan yang berkepentingan, iaitu dari JPBD; ABCi; Jabatan Tanah; Jabatan Ukur; Jabatan Jalan Raya; Jabatan Saliran dan Pembetungan; Jabatan Perkhidmatan Air; dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Dalam kesempatan ini, pihak Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan mengenai jenis-jenis projek kemajuan yang dibenarkan dijalankan oleh pihak RBD, iaitu satu unit rumah di dalam satu lot yang tidak melebihi dua tingkat, dan keluasan lantai tidak melebihi 300 meter persegi

menurut Seksyen 50G(4): Restrictions on Registered Building Draughtsman, APEQS (Amendment) Order, 2018.

Dengan adanya sesi dialog berterusan seperti ini, pihak Kementerian Pembangunan berharap ia akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para QP dan RBD di dalam sama-sama meningkatkan kualiti kemajuan dan perkhidmatan kepada orang ramai bagi menjana kemajuan yang teratur dan berdayatahan dan meningkatkan mutu perkhidmatan serta prestasi pencapaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).

Turut hadir semasa sesi dialog berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman selaku Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA).

Sudut Buku UNISSA di Ma'had Islam Brunei dilancarkan



PEMANGKU Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Ismail bin Abdullah (tengah) pada sesi bergambar ramai pada penyerahan sumbangan buku dan surat perjanjian kepada Pengetua Ma'had Islam Brunei, Tutong, Pengiran Haji Asmadly bin Pengiran Haji Aliuddin (dua, kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan melancarkan Sudut Buku UNISSA atau UNISSA's Book Corner di Ma'had Islam Brunei baru-baru ini.

UNISSA memiliki Sudut Buku UNISSA di dua buah

sekolah menengah Arab, iaitu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH), dan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) yang dilancarkan pada 30 Julai lalu.

Usaha ini merupakan inisiatif

UNISSA bagi mengongsikan bahan terbitan UNISSA untuk simpanan dan rujukan perpustakaan sekolah-sekolah menengah Arab dan seterusnya membantu kegiatan intelektual dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah menengah Arab.

Sumbangan buku dan surat perjanjian Sudut Buku UNISSA diserahkan oleh Pemangku Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Penerbitan UNISSA, Dr. Ismail



SUDUT Buku UNISSA di Ma'had Islam Brunei, Tutong.

bin Abdullah kepada Pengetua Ma'had Islam Brunei, Tutong, Pengiran Haji Asmadly bin Pengiran Haji Aliuddin.

Melalui UNISSA's Book Corner ini, UNISSA menyumbangkan sebanyak 197 judul buku kepada Ma'had Islam Brunei Tutong, merangkumi pelbagai tajuk dan disiplin ilmu, termasuk pengajian Islam, undang-undang, ekonomi, budaya, tamadun, pembelajaran bahasa Arab dan lain-lain jurusan yang diterbitkan dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Arab, Melayu dan Inggeris.

Selain itu, UNISSA's Book Corner ini merupakan antara usaha UNISSA untuk mempromosi dan menjadikan buku-buku terbitan UNISSA sebagai bahan rujukan peringkat menengah dan tinggi.

Melalui Book Corner ini juga diharapkan akan menjadi tempat memudahkan kepada para pelajar dalam menambah baik mutu pembelajaran mereka, selain menjadi pendorong dalam memupuk sifat suka mengkaji dan membaca dalam kalangan para pelajar.